

Embargo: Hanya boleh diterbitkan atau disebarikan mulai jam 1200, Rabu, 28 Mei 2025



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya
No. Telefon : 03 - 8090 4681

INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI, MALAYSIA, APRIL 2025

Terma Perdagangan Malaysia menguncup 0.3 peratus pada April 2025, disumbangkan oleh Minyak & Lemak Binatang & Sayur-sayuran.

PUTRAJAYA, 28 MEI 2025 – Harga eksport Malaysia pada April 2025 menurun 0.9 peratus daripada 151.8 mata pada bulan sebelumnya kepada 150.3 mata. Begitu juga, indeks nilai seunit import mencatatkan kejatuhan 0.6 peratus daripada 127.0 mata kepada 126.2 mata. Terma Perdagangan Malaysia turut merosot 0.3 peratus bulan ke bulan kepada 119.1 mata pada April 2025, sebagaimana dipaparkan oleh laporan **INDEKS PERDAGANGAN LUAR NEGERI (2010=100), APRIL 2025** pada hari ini. Penerbitan ini memaparkan statistik indeks nilai seunit, indeks volum dan terma perdagangan meliputi 10 seksyen komoditi produk barangan selaras dengan Klasifikasi Standard Perdagangan Antarabangsa (SITC).

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan indeks nilai seunit eksport jatuh 0.9 peratus pada April 2025 berbanding bulan sebelumnya, disumbangkan oleh kejatuhan indeks minyak galian (-3.7%), minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (-1.8%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-0.3%). Begitu juga, indeks volum eksport turun 1.8 peratus selaras dengan penurunan indeks barang-barang keluaran kilang (-7.6%), pelbagai barang keluaran kilang (-5.9%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-2.7%). Indeks volum eksport pelarasan bermusim naik 6.0

peratus daripada 161.2 mata kepada 170.9 mata. Merujuk kepada perbandingan tahunan, indeks nilai seunit dan indeks volum masing-masing bertambah 0.7 peratus dan 15.6 peratus.

Indeks nilai seunit import turun 0.6 peratus pada April 2025, disumbangkan oleh penurunan indeks minyak galian (-6.5%), barang-barang keluaran kilang (-0.2%) dan bahan kimia (-0.1%). Walau bagaimanapun, indeks volum import bertambah 14.8 peratus pada April 2025 berbanding bulan sebelum, disumbangkan oleh peningkatan dalam indeks alat jentera & kelengkapan pengangkutan (+28.7%), barang-barang keluaran kilang (+8.7%) dan pelbagai barang keluaran kilang (+6.8%). Indeks volum import pelarasan bermusim meningkat 23.4 peratus daripada 193.3 mata kepada 238.6 mata. Perbandingan tahun ke tahun menunjukkan indeks nilai seunit import berkurang 3.6 peratus manakala indeks volum melonjak 24.5 peratus.

Terma perdagangan Malaysia menyusut 0.3 peratus bulan ke bulan kepada 119.1 mata pada April 2025, didorong oleh kejatuhan indeks minyak & lemak binatang & sayur-sayuran (-2.8%) dan alat jentera & kelengkapan pengangkutan (-0.6%). Sementara itu, terma perdagangan Malaysia tahun ke tahun menokok 4.5 peratus daripada 114.0 mata pada April tahun lalu.

Kepengerusian ASEAN-Malaysia 2025: Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) akan mempengerusikan Jawatankuasa Sistem Statistik Komuniti ASEAN Ke-15 (ACSS15) yang bertujuan untuk memperkukuh kerjasama statistik ke arah pembangunan serantau yang mampan.

Malaysia buat julung kalinya telah menduduki tangga pertama (1) di peringkat global dalam laporan dwi-tahunan Open Data Inventory (ODIN) 2024/25 yang dikeluarkan oleh Open Data Watch (ODW), mengatasi 198 negara lain. Pencapaian ini merupakan lonjakan ketara daripada kedudukan ke-67 dalam penilaian ODIN 2022/23.

Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan 20 Oktober sebagai Hari Statistik Negara (MyStats Day), dengan tema 'Statistik Nadi Kehidupan'. Sementara itu, Hari Statistik Dunia Keempat akan disambut pada 20 Oktober 2025 dengan tema '*Driving Change with Quality Statistics and Data for Everyone*'.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.



Carta 1: Peratus Perubahan Bulan ke Bulan bagi Indeks Nilai Seunit Eksport & Import Januari 2023 – April 2025

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

28 MEI 2025